



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BAHAGIAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI

KESEDARAN BERKAITAN PENGIKLANAN PT&K YANG MUNGKIN MELANGGAR AKTA MASA 1956 DAN AKTA PT&K 2016

LARANGAN PENGIKLANAN MENGIKUT AKTA MASA 1956

- Larangan pengiklanan perkhidmatan bagi menyembuh 20 penyakit yang disenaraikan dalam Jadual

la juga termasuk pengiklanan berkenaan:

- O Pengamalan kontrasepsi dalam kalangan Manusia.
- O Memperbaiki keadaan atau fungsi buah Pinggang atau jantung manusia
- O Memperbaiki keadaan atau fungsi seksual Manusia
- O Menjalankan pengguguran janin
- O Diagnosis penyakit seperti di dalam Jadual

(Seksyen 3 MASA 1956)

- Larangan iklan perkhidmatan atau kemahiran yang berhubung dengan rawatan, pencegahan, atau diagnosis bagi apa-apa ailmen, penyakit, kecederaan, kelemahan, atau keadaan yang melibatkan tubuh manusia.

- Larangan iklan yang dapat mendorong atau yang mengandungi pelawaan, sama ada nyata atau tersirat, kepada mana-mana orang untuk mendapatkan nasihat pengiklan atau mana-mana orang yang dirujuk dalam iklan itu berkaitan dengan perkhidmatan atau kemahiran itu.

(Seksyen 4A MASA 1956)

LARANGAN PENGIKLANAN MENGIKUT AKTA PT&K 2016

- Larangan membuat pernyataan palsu dan mengelirukan dalam apa-apa iklan berkenaan dengan khasiat penyembuhan perubatan atau kesihatan apa-apa perkhidmatan PT&K dengan tujuan untuk mendorong, mempengaruhi, atau menyebabkan seseorang pesakit membuat kontrak untuk membeli perkhidmatan yang disediakan oleh pengamal berdaftar di bawah Seksyen 33(1) & 33(2), Akta PT&K 2016 tertakluk kepada larangan iklan berhubung perkhidmatan atau kemahiran; Seksyen 4A, Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956.
- Seksyen 33(4), Akta PT&K 2016 menghuraikan konteks pernyataan yang mengelirukan sebagai apa-apa perbuatan yang berkemungkinan mengelirukan orang ramai:
 - a. tentang sifat, ciri-ciri, kesesuaian bagi tujuan, atau kuantiti perkhidmatan yang diberikan;
 - b. bahawa perkhidmatan yang diberikan adalah dari jenis standard, kualiti atau kuantiti tertentu;
 - c. dengan mengiklankan bahawa perkhidmatan yang disediakan adalah bagi penyakit-penyakit tertentu yang disenaraikan di bawah Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956;
 - d. bahawa perkhidmatan diberikan oleh mana-mana orang tertentu atau oleh mana-mana orang dengan kebolehan, kelayakan atau kemahiran tertentu; atau
 - e. tentang harga bagi perkhidmatan yang diberikan.

*Nota

- Akta MASA 1956 – Medicine (Advertisement and Sales) Act 1956/ Akta Ubat (Iklan & Penjualan) 1956
- Akta PT&K 2016 – Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016

BAHAGIAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI
BLOK E, JALAN CENDERASARI, 50590 KUALA LUMPUR NO. TEL: 03-22798100
EMEL: tcm@moh.gov.my LAMAN WEB: <http://tcm.moh.gov.my>



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAHAGIAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI

KESEDARAN BERKAITAN PENGIKLANAN PT&K YANG MUNGKIN MELANGGAR
AKTA MASA 1956 DAN AKTA PT&K 2016

PENGIKLANAN PERKHIDMATAN

- Pengiklanan perkhidmatan secara langsung (melalui surat khabar, televisyen, radio, risalah edaran, buku, media elektronik/internet, atau apa-apa bentuk media yang boleh menyiarkan iklan melalui visual atau bunyi).
- Penggunaan nama perniagaan atau syarikat (melalui kad nama, notis, risalah, atau inbois).
- Penggunaan gelaran dan singkatan (melalui kad nama atau papan tanda)

LAIN-LAIN LARANGAN PENGIKLANAN

- **Gelaran yang dilarang**- Gelaran seperti Doktor/ *Doctor*, Pengamal Perubatan/ *Medical Practitioner*, Pegawai Perubatan/ *Medical Officer*, Perunding Perubatan/ *Medical Consultant*, Pakar Perubatan/ *Physician*, Pakar Perunding/ *Consultant Specialist*.
- **Singkatan yang dilarang** - Dr atau Dr.
- **Nama yang tidak dibenarkan** - Menggunakan istilah “klinik” atau “dispensari” atau “hospital” atau istilah yang memberi makna yang sama
- **Testimonial** - Penggunaan testimonial daripada pesakit dalam apa-apa bentuk media pengiklanan merupakan satu dorongan tersirat kepada orang ramai terhadap perkhidmatan yang di tawarkan dan adalah tidak dibenarkan
- **Selebriti** - Penggunaan selebriti untuk mempromosi perkhidmatan PT&K.

*Nota

- Akta MASA 1956 – Medicine (Advertisement and Sales) Act 1956/ Akta Ubat (Iklan & Penjualan) 1956
- Akta PT&K 2016 – Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016